

Jabatan Perkhidmatan Awam  
Malaysia,  
Tingkat 9-14, Bangunan U.M.B.C.,  
Jalan Sulaiman,  
Kuala Lumpur.

25hb. Julai, 1973.

## **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 18 TAHUN 1973**

### **Cara-cara meletakkan ke dalam perjawatan berpencen pegawai-pegawai dalam Kurnpulan Pengurusan dan Ikhtisas, Kerja dan Separa Ikhtisas dan Perkeranian dan Teknik (Bahagian I, II dan III sebelum Suffian) yang dahulunya pegawai-pegawai tetap tetapi tidak berpencen**

Perenggan 96 [Pekeliling Perkhidmatan Bil 7 Tahun 1970](#) menyatakan pekerja-pekerja yang memegang jawatan-jawatan yang di kira sebagai jawatan tetap akan ditimbangkan untuk diberi taraf berpencen. Mereka yang terlibat termasuklah yang dilantik ke jawatan tetap tetapi tidak berpencen yang sekarang dijadikan berpencen mengikut P.U.B. (76) bertarikh 1hb. Mac, 1973. Adalah tujuan Pekeliling ini untuk menerangkan cara-cara meletakkan pegawai-pegawai berkenaan ke dalam perjawatan berpencen.

#### **Syarat Kelayakan**

2. Pegawai-pegawai yang memenuhi syarat-syarat yang tersebut di bawah adalah layak dipertimbangkan untuk dimasukkan ke dalam perjawatan berpencen:-

- (a) Pegawai yang sedang berkhidmat dan telah memilih kepada sistem gaji bersih mengikut [Pekeliling Perkhidmatan Bil.7/70](#).
- (b) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun dalam jawatan berkenaan dengan tiada terputus-putus.
- (c) Telah disahkan dalam jawatan.

3. Pegawai-pegawai yang telah bersara selepas 1.1.1970 atau meninggal dunia pada atau selepas 1.1.1970 adalah juga layak di pertimbangkan untuk dimasukkan ke dalam perjawatan berpencen sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat di 2(b) dan (c) di atas dengan syarat mereka telah memilih untuk berpindah atau diberi pemindahan ke tanggagaji bersih mengikut [Pekeliling Perkhidmatan 7/70](#). Untuk tujuan ini, mereka yang termasuk dalam gulungan seperti berikut bolehlah dianggap sebagai telah diberi faedah pemindahan kepada tanggagaji bersih sekiranya dengan ini akan memberi keuntungan kepada yang berkenaan.

- (a) Pegawai-pegawai yang telah meninggal dunia pada atau selepas 1.1.70 tetapi sebelum keluarnya [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7/70](#) atau pun selepas keluarnya Pekeliling tersebut tetapi tidak sempat diberi pilihan atau membuat pilihan kepada sistem gaji bersih;
- (b) Pegawai-pegawai yang telah bersara selepas 1.1.70 dan kemudiannya meninggal dunia sebelum keluarnya [Pekeliling Perkhidmatan Bil.7/70](#) atau selepas keluarnya Pekeliling tersebut tetapi tidak sempat diberi pilihan atau membuat pilihan kepada sistem gaji bersih.

4. Peraturan yang telah ditetapkan dalam [Perintah Am \(Lama\) Bab A28](#) atau [Perintah Am \(Baharu \) Bab A38](#) adalah dilonggarkan. Penyata perkhidmatan tidak lagi dikehendaki. Dalam hal ini

Ketua Jabatan hendaklah menggunakan borang dalam [Lampiran 'A'](#) bagi tiap-tiap sokongan perletakan ke dalam perjawatan berpencen.

#### **Pihak Berkuasa**

5. Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan adalah pihak yang berkuasa meluluskan perletakan ke dalam perjawatan berpencen. Semua perakuan dan sokongan berkenaan hendaklah dipanjangkan kepada Suruhanjaya berkenaan untuk kelulusan.

#### **Tarikh Perletakan ke Perjawatan Berpencen**

6. Pegawai-pegawai yang berkelayakan untuk dimasukkan ke dalam perjawatan berpencen bolehlah diperakukan untuk di masukkan ke dalam perjawatan berpencen pada tarikh-tarikh berikut :-

- (a) Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat pada tarikh sekarang;
- (b) Bagi pegawai-pegawai yang telah bersara pada tarikh satu hari sebelum persaraan;
- (c) Bagi pegawai-pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan, pada tarikh ia meninggal dunia.

7. Catitan mengenai perletakan ke dalam perjawatan berpencen hendaklah dibuat dalam rekod perkhidmatan.

8. Ketua-ketua Jabatan adalah diminta mengambil tindakan menempatkan pegawai-pegawai yang berkelayakan ke dalam perjawatan berpencen mengikut peraturan-peraturan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dengan seberapa segeranya. Kelonggaran peraturan ini hanya diberi sehingga 31 hb. Disember, 1973 sahaja dan selepas tarikh itu peraturan-peraturan mengikut [Perintah Am Bab A38](#) hendaklah di patuhi.

Saya yang menurut perintah,

(HASHIM BIN HAJI SALLEH)  
Bahagian Perkhidmatan  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.

Ketua-ketua Jabatan.

Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri yang berkenaan.

**BORANG**

**PERLETAKAN KE DALAM PERJAWATAN BERPENCEN**

- (a) Nama Pegawai:
- (b) Tarikh Lahir:
- (c) Tarikh Perlantikan Pertama dan Nama Jawatan:
- (d) Tarikh Perlantikan ke jawatan sekarang dan sebutkan nama jawatan sekiranya berlainan:
- (e) Taraf jawatan : Berpencen mengikut P.U.(B) 76 mulai daripada 1.1.1970.
- (f) Taraf pengesahan dalam Jawatan (sebutkan bil. rujukan):
- (g) Tarikh kemasukan ke dalam perjawatan berpencen yang diperakukan:
- (h) Catitan-catitan lain (Jika ada) :
- (i) Perakuan kemasukan ke dalam perjawatan berpencen seperti dalam [Lampiran 'B' Perintah Am Bab A 38](#) dikembarkan:

Tarikh: .....

.....

Ketua Jabatan